

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (70)



SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 8 TAHUN 2025

PENAIKTARAFAN SISTEM MAKLUMAT
PENGURUSAN ASET VERSI 4.0 (SMPAv4.0)

Pejabat Bendahari

5 November 2025

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (70)

5 November 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2025

PENAIKTARAFAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN ASET VERSI 4.0 (SMPAv4.0)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung penaiktarafan Sistem Maklumat Pengurusan Aset Versi 4.0 (SMPAv4.0).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0) mulai 1 September 2024 telah membawa kepada tindakan penambahbaikan sistem yang berintegrasi dengan SMKBv4.0.
- 2.2 Salah satu sistem yang berintegrasi dengan SMKBv4.0 dan terkait secara langsung adalah SMPAv4.0
- 2.3 Selaras dengan pelaksanaan SMKBv4.0, Pejabat Bendahari dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Digital (CDO) telah menambahbaik dan menaiktaraf Sistem Maklumat Pengurusan Aset (SMPA) kepada Sistem Maklumat Pengurusan Aset Versi 4.0 (SMPAv4.0).

3.0 MAKLUMAT SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN ASET UTEM

- 3.1 Sistem Maklumat Pengurusan Aset (SMPA) sedia ada menyokong tatacara pengurusan aset universiti yang selaras dengan kerangka perbendaharaan di sektor awam.
- 3.2 SMPA dibangunkan pada tahun 2012 dengan modul operasi lengkap iaitu terimaan, pendaftaran, perpindahan, pemeriksaan, pelupusan, kehilangan dan susut nilai.
- 3.3 Pada tahun 2018, UTeM telah berjaya mendapat kelulusan dan pengiktirafan pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* bagi Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).
- 3.4 Pembangunan sistem penyampaian perkhidmatan kewangan secara digital yang bersepadu dan inovatif sejajar dengan kemunculan teknologi baharu telah mendorong agar sistem kewangan UTeM turut berkembang ke arah pendigitalan selaras dengan kemajuan teknologi bagi keperluan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.
- 3.5 Selaras dengan keperluan di para 3.4, tindakan penambahbaikan kepada SMKB sedia ada (*Re-Engineering SMKB*) telah giat dilaksanakan.
- 3.6 Sehubungan itu, secara tidak langsung SMPA perlu ditambahbaik selaras dengan penambahbaikan SMKB yang juga dibina melalui kepakaran dalaman (*in-house*).

4.0 PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN ASET VERSI 4.0 (SMPAv4.0)

- 4.1 SMPAv4.0 ini akan mula diguna pakai sepenuhnya oleh semua warga UTeM secara langsung (*Go-Live*) mulai **6 November 2025 (Khamis)**.

- 4.2 Pindahan data SMPA ke SMPAv4.0 tidak memberi kesan dalam sebarang aktiviti yang telah dibuat di SMPA.
- 4.3 Untuk makluman, pelaksanaan penaiktarafan SMPAv4.0 ini melibatkan semua proses pengurusan aset iaitu:
- i. Modul Pendaftaran
 - ii. Modul Penyelenggaraan
 - iii. Modul Perpindahan
 - iv. Modul Pelupusan
 - v. Modul Kehilangan
 - vi. Modul Pemeriksaan
 - vii. Modul Susut Nilai
- 4.4 Secara ringkasnya, perbandingan teknikal SMPA sedia ada dengan SMPv4.0 adalah seperti **Jadual 1** dibawah:

Bil.	Ciri-Ciri	SMPA	SMPAv4.0
1.	Nama sistem	Sistem Maklumat Pengurusan Aset (SMPA)	Sistem Maklumat Pengurusan Aset Versi 4.0 (SMPAv4.0)
2.	Kapasiti storan	500 GB	3.5 TB
3.	Platform	Windows	Windows
4.	Perisian	Microsoft SQLServer, Microsoft Visual Basic, ASP.net, C#	Microsoft SQLServer, Microsoft Visual Basic, ASP.net
5.	Capaian Sistem	Web based	Web based
6.	Hosting (In Premis/Cloud)	In Premis	In Premis

Jadual 1: Perbandingan Teknikal Sistem Sedia ada Dengan SMPAv4.0

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Kerjasama dan perhatian semua warga UTeM mengenai perkara ini sangat dihargai dalam memastikan pelaksanaan SMPAv4.0 mulai **6 November 2025** adalah berjalan lancar.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka